

# Dr. M ulas dasar tak

UM - 9 JUN 2005

Oleh FAUZI JAAFAR

**P**ETALING JAYA 8 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau menerima pendirian kerajaan tidak mendedahkan pemilik Permit Import (AP) kerana ia adalah satu polisi.

Bagaimanapun, beliau berkata: "Walaupun nama orang lain tak diumumkan, tapi nama anak saya ada (diumumkan) sebab dia anak saya.

"Nama orang lain tak perlu keluar, tapi tak apalah, kerana ia satu polisi (kerajaan). Kita kena terima polisi," kata bekas Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas lawatan rasminya ke The Otomotif Col-

lege (TOC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pada 31 Mei lalu iaitu kerajaan tidak akan mendedahkan nama pemegang AP yang dibenarkan untuk membawa masuk kenderaan ke negara ini.

"Kita menilai sama ada seseorang itu mempunyai merit untuk di-nugerahkan AP.

## Tuduhan

"Anak Tun Dr. Mahathir sendiri pun memiliki AP untuk mengimport kereta Porsche, apakah salah untuk dia memilikinya," kata Rafidah.

Dr. Mahathir berpendapat, dalam soal AP, kerajaan perlu bersikap telus kerana ia terlalu hebat diperkatakan di

dalam pasaran seolah-olah pemberiannya tidak adil.

"Saya tidak suka orang membuat tuduhan bukan-bukan terhadap kerajaan, jadi untuk hentakan 'cakap-cakap' ini di dalam pasaran yang berterusan, seperti *who is the king of AP* ia perlulah dibuat pendedahan secara telus," katanya yang juga Penasihat Proton Holdings Bhd.

Bagaimanapun beliau berpendapat, 'cakap-cakap' di dalam pasaran itu mungkin tidak benar dan ia adalah tanggungjawab kerajaan untuk menafikannya.

Dalam soal ketelusan kerajaan, beliau berkata, semasa pentadbirannya, terdapat banyak dakwaan mengenai Perdana Menteri yang mengamalkan kronisme dengan memberi kontrak keraja-

an kepada rakan-rakan dan saudara mara.

"Apabila saya umumkan siapa yang dapat kontrak, mereka (orang ramai) dapat tahu saudara siapa yang dapat, rupa-rupanya mereka yang membuat tuduhan kerajaan mengamalkan kronisme itulah yang mendapat faedah daripada kontrak itu."

## Cukai

Bekas Perdana Menteri itu juga kesal dengan dakwaan bahawa Proton telah kehilangan pasaran.

"Saya tak tahu pasal pemberian AP. Tapi jangan cakap Proton kehilangan pasaran, dari segi (bilangan) jualan ia masih sama, malah Proton akan meningkatkan lagi jumlahnya," tegasnya.

Ditanya adakah kerajaan kini tidak melindu-

# dedah pemilik AP

ngi Proton, beliau berkata: "Bukan takindungi (Proton), kerajaan *protect* Proton tapi ada orang cari jalan supaya mereka tidak disekat kerana cukai-cukai yang dikenakan pada barangan itu (kereta), itu sahaja."

Dr. Mahathir berkata, ramai orang mendakwa Proton mendapat perlindungan, tetapi kadang kala pengurusan kereta nasional itu mempertikaikannya.

"Kita tidak faham ini. Itulah sebabnya kita minta senarai AP didedahkan kepada umum, jadi kita tahu sama ada kereta buatan luar negara yang dilindungi atau Proton yang dilindungi," katanya.

Beliau berpendapat persaingan Proton dengan kenderaan-kenderaan import yang lain

mestilah secara saksama.

Katanya, sistem AP dikuatkuasakan sejak beliau belum menjadi Perdana Menteri lagi.

"Sistem AP diperkenalkan ketika saya belum ada dalam kerajaan. Bila saya ada (dalam kerajaan) saya potong AP, sebab mereka jual.

"Dahulu, mereka yang kerja di Ibu pejabat UMNO akan dapat AP sebanyak 10 permit seorang dan mereka boleh buat duit sebanyak RM8,000 sebulan," katanya.

## Pasaran

Ditanya mengenai kritikan tentang prestasi lemah Proton dalam pasaran eksport, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak mudah untuk dijelaskan.

"Pada mulanya, kita

mahu memperkenalkan Proton kepada pasaran asing, jadi ia dijual pada harga murah supaya ia menembusi pasaran Eropah dan pasaran-pasaran lain," katanya.

Beliau berkata, apabila pasaran berkembang dan Proton menjadi lebih baik, maka syarikat itu tidak lagi menetapkan harganya pada paras di bawah kos (dan) dengan sendirinya, jualan merosot.

## Berbeza

"Sebaliknya, kita kurang rugi sekarang, sebab kita tidak lagi menjualnya pada paras di bawah kos kerana objektif kita berbeza sekarang.

"Tetapi, berbanding produk jenama Malaysia yang lain, saya rasa Proton lebih baik," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata,

pada mulanya, Proton mengeluarkan 35,000 buah kereta, tetapi sekarang lebih 200,000 dikeluarkan dan Proton tidak boleh dikatakan tidak membuat untung.

Berhubung struktur tarif baru ke atas kenderaan siap dipasang (CBU) yang akan diumumkan tidak lama lagi, beliau berkata, Proton tidak meminta-minta kerana syarikat pengeluar kereta nasional itu kini boleh bersaing.

"Apa yang saya ingat semua negara yang mempunyai industri kenderaan akan melindungi hak mereka. Sebab itu kita (Proton) tidak boleh masuk ke negara mereka kerana ada halangan cukai, import permit dan sebagainya," katanya.